

Sumbangan Buku daripada Kedutaan Amerika

Oleh: Nurulain Ismail

10 Disember 2013 (Selasa) yang lalu, Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah berbesar hati mengadakan majlis penyerahan buku yang disumbangkan oleh Kedutaan Amerika di Kuala Lumpur. Dengan kerjasama Perpustakaan dan Pusat Hal Ehwal Antarabangsa UMS, majlis ringkas ini telah dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Prof. Madya Dr. Hj Kassim Hj Md Mansur.

Majlis ini telah dihadiri oleh Duta Amerika

Syarikat ke Malaysia, Duta Joseph Y. Yun bersama isteri beliau Dr Melanie Billings-Yun. Sebanyak 100 naskhah buku telah dihadiahkan kepada Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah yang terdiri daripada pelbagai genre antaranya biografi, sejarah dan sastera yang diterbitkan di Amerika.

Sebelum upacara penyerahan buku tersebut berlangsung kakitangan UMS yang terdiri daripada pensyarah-pensyarah Sekolah Sains

Sosial telah berpeluang untuk berkongsi pendapat mengenai isu-isu semasa bersama delegasi Kedutaan Amerika ke Malaysia.

Sumbangan ini telah memperkayakan lagi koleksi Perpustakaan UMS sekaligus menyokong usaha Perpustakaan untuk menjadi gedung ilmu bagi warga UMS mendapatkan sumber bahan rujukan dan bacaan yang boleh membantu mereka dalam proses pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan mereka .

